

## PENDEKATAN KESENIAN DALAM PENDIDIKAN SOLAT DI PERINGKAT SEKOLAH RENDAH: SATU SOROTAN KARYA

### *ARTS APPROACH IN PRAYER EDUCATIONS AT THE PRIMARY SCHOOL LEVEL: A LITERATURE REVIEW*

Suhrawardi Saidin<sup>1</sup>  
Mohd Syakir Mohd Rosdi<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang,  
(Email: suhrawardisaidin@yahoo.com)

<sup>2</sup>Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang,  
(Email: mohdsyakirmohdrosdi@gmail.com)

#### Article history

**Received date** : 7-8-2021

**Revised date** : 8-8-2021

**Accepted date** : 29-9-2021

**Published date** : 5-10-2021

#### To cite this document:

Saidin, S. & Mohd Rosdi, M. S. (2021). Pendekatan Kesenian Dalam Pendidikan Solat Di Peringkat Sekolah Rendah: Satu Sorotan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 319 - 325.

**Abstrak:** Pendekatan kesenian banyak didominasi oleh pendidikan sebagai kaedah alternatif bagi melancarkan pemahaman dan pembelajaran murid. Antara contoh pembelajaran yang menggunakan kesenian seperti pelajaran kemahiran hidup dan sifir bagi pelajaran matematik serta lain-lain mata pelajaran asas di sekolah rendah. Pendekatan ini banyak membantu murid sekolah rendah seperti yang dijelaskan dalam kajian-kajian dilakukan oleh Hamisan Salim (2010) dan Kamaliah Aminah Abdullah @ Abu Bakar (2006). Timbul persoalan, bagaimana pula dengan pendidikan solat di peringkat sekolah rendah, adakah pendidikan ini menggunakan pendekatan kesenian juga? Untuk mendapatkan maklumat awal, kajian yang dilakukan ini menyorot kajian-kajian dan karya-karya yang berkaitan pendekatan kesenian dalam pendidikan Islam sekolah rendah. Maka bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini mengumpulkan kajian-kajian dan karya-karya yang merupakan data sekunder dengan menggunakan kaedah kajian dokumen. Data yang diperoleh ini dianalisis dengan menggunakan analisis kandungan. Hasil daripada analisis kajian ini menemukan kajian-kajian dan karya-karya khusus yang boleh membantu bagi menemukan pendekatan kesenian dalam pendidikan solat sekolah rendah juga menemukan lompong karya. kajian ini akan membantu dan memudahkan para pelajar peringkat rendah dalam memahami solat secara mendalam melalui hafalan secara kesenian yang ringkas dan padat. kajian ini akan memberi sumbangan kepada umat Islam di Malaysia dan di peringkat rendah persekolahan bagi murid-murid beragama Islam dalam mendekati pembelajaran solat.

**Kata Kunci:** Kesenian Dalam Pendidikan, Pendidikan Solat, Peringkat Sekolah Rendah, Sorotan Karya

**Abstract:** The arts approach is largely dominated by education as an alternative method to facilitate students' understanding and learning. As the examples of learning that uses arts such as life skills lessons and ciphers for mathematics lessons as well as other basic subjects in primary schools. This approach helps a lot of primary school students as mentioned by Hamisan Salim (2010) and Kamaliah Aminah Abdullah @ Abu Bakar (2006) in their research. The questions here, what about prayer education at the primary school level, does this education use an artistic approach as well? In preliminary information, this study highlights studies and works related to arts approaches in primary school Islamic education. Therefore, to achieve these objectives, this study collects the studies and papers that are secondary data by using document review methods. The data obtained were analyzed using content analysis. The results of the analysis of this study found specific studies and works that can help to find an artistic approach in primary school prayer education also found a gap in the work. This study will help and facilitate lower level students in understanding prayer in depth through memorization in a simple and concise art. This study will contribute to Muslims in Malaysia and at the primary school level for Muslim students in approaching the learning of prayer.

**Keywords:** Arts in Education, Prayer Education, Primary School Level, Literature Review

## Pengenalan

Pendekatan kesenian dijadikan sebagai alternatif dalam penyampaian sesuatu pendidikan termasuklah berkaitan solat peringkat sekolah rendah agar murid-murid lebih berminat dalam mempelajari sehingga dapat menguasai dengan sebaiknya. Isu-isu kesenian dalam pendidikan solat peringkat sekolah rendah ini dapat dikaitkan melalui beberapa permasalahan. Antaranya seperti untuk menjelaskan maksud pendekatan kesenian, serta bentuk kesenian yang bersesuaian untuk digunakan bagi membantu dalam pendidikan solat peringkat sekolah rendah. Menurut kajian yang dilakukan antaranya oleh Hamisan Salim (2010) dan Kamaliah Aminah Abdullah @ Abu Bakar (2006) menjelaskan pendidikan solat masih belum dapat dikuasai sepenuhnya oleh murid-murid. Tidak kurang juga yang tidak mengetahui rakaat solat. Adakah pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah tidak menarik perhatian murid-murid?

Melalui maklumat hasil penelitian Mohd Fadzilah Kamsah (2008) didapati 80 peratus pelajar Islam di negara ini mengabaikan solat. Selain itu, menurut kajian Mohd Fadzilah Kamsah hanya sekitar 17 hingga 20 peratus yang menunaikan solat fardu cukup lima waktu dalam sehari, sementara bagi pelajar-pelajar sekolah menengah, iaitu hanya 15 peratus sahaja mengakui solat lima kali sehari dan fakta ini ternyata menyamai dapatan kajian yang menunjukkan bahawa sejumlah 86.2% responden mengakui kerap meninggalkan solat dan sejumlah kecil responden yang melaksanakan solat dengan secukupnya.

## Metodologi Penyelidikan

Kaedah penyelidikan mempamerkan langkah yang diambil untuk mencapai objektif penyelidikan (Ahmad Mahdzan Ayob, 1995). Metodologi kajian yang digunakan ialah dengan menggunakan tiga kaedah kajian iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisisan data.

Bagi reka bentuk kajian, ia dilakukan dengan menggunakan reka bentuk kualitatif. Menurut Lexy (2007), kaedah kualitatif menghasilkan data gambaran yang boleh diamati. Perbincangan dalam artikel ini dibuat melalui kaedah kualitatif yang menggunakan data-data daripada sumber sekunder.

Sumber sekunder yang dimaksudkan ialah kajian-kajian dan karya-karya terdahulu yang berkaitan seperti jurnal, tesis, laman sesawang dan penulisan-penulisan berkaitan pendekatan kesenian dalam pendidikan dan pendidikan solat peringkat sekolah rendah. Selain itu, artikel ini turut merujuk sumber-sumber utama Islam iaitu al-Qur'an dan al-Hadis serta penulisan-penulisan yang berkaitan merangkumi kitab-tafsir dan kitab-kitab hadis.

Data ini dikumpulkan melalui kaedah kajian dokumen. Kaedah ini sesuai digunakan dalam kajian ini kerana seperti yang dimaklumkan bahawa data yang terkumpul adalah daripada data sekunder. Hal ini seperti menurut (Idris Awang, 2009). Pengumpulan data ini meliputi maklumat, data dan juga fakta-fakta penting bagi tujuan kajian sebelum proses kedua dilaksanakan iaitu metod penganalisaan data. Segala maklumat dan data diperoleh adalah melalui sumber sekunder iaitu buku-buku, jurnal, majalah, akhbar, kamus, kajian-kajian ilmiah, disertasi, tesis, laman web dan sebagainya yang berkaitan.

Data yang terkumpul ini kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Kaedah ini bertepatan dengan reka bentuk kualitatif dan kaedah pengumpulan data bersifat dokumen. Seperti menurut Krippendorff (2004) dan White dan Marsh (2006), analisis kandungan sebagai teknik kajian bagi membuat kesimpulan yang boleh diulang dan sah dari teks (atau bahan lain yang bermakna).

## Sorotan Karya

### Pendekatan Kesenian Dalam Pendidikan Solat Peringkat Sekolah Rendah

Sorotan karya dalam kajian ini ditumpukan kepada dua tema iaitu pendekatan kesenian dalam pendidikan dan pendidikan solat peringkat sekolah rendah. Kedua-dua tema ini akan diuraikan berdasarkan karya-karya yang ditemui seperti di bawah.

### Pendekatan Kesenian Dalam Pendidikan

Pendekatan kesenian merupakan sebahagian daripada jalan dakwah. Tujuan sesuatu pendekatan dilakukan adalah untuk menarik minat seseorang seperti menggunakan elemen kesenian seperti fokus kajian ini untuk meneliti pendekatan kesenian dalam pendidikan sekolah rendah. Dakwah itu juga bermaksud ajakan dan seruan terhadap seseorang kepada jalan Allah. Tujuan dakwah dilakukan adalah untuk menyebarkan ajaran Islam di muka bumi. Abdul Karim Zaidan (2011) pernah menyatakan bahawa dakwah mempunyai ruang lingkup yang besar merangkumi pendakwah, isi dakwah, metodologi dakwah dan penerima dakwah.

Kesenian daripada kata asalnya adalah seni. Bahkan, pengertian seni juga dapat dilihat dalam dua fragmen makna iaitu dari segi bahasa menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (1989) adalah bermakna tipis dan halus. Serta boleh dalam maksud yang berbentuk karya seperti sajak, lukisan, musik dan lain-lain yang dicipta melalui bakat kepandaian yang mendalam secara rinci. Ia dihasilkan bagi membawa manfaat bagi manusia.

Menurut pengertian istilah pula, seni ialah segala yang halus dan indah lagi menyenangkan hati serta perasaan manusia sama ada dihasilkan melalui fikiran, kemahiran, imaginasi dan perbuatan manusia (Abdul Ghani Samsudin, 2001). Secara umumnya, kesenian ditakrifkan sebagai sesuatu hasil ciptaan manusia yang memiliki nilai estetik bagi penciptaannya, pernyataan dan hiasannya yang menonjol dan dominan dalam hal tertentu serta mengambil kira aspek kepentingan dan kemanfaatannya (Nik Hassan Suhaimi, 2000).

Seni juga sebagai ekspresi jiwa adalah merupakan bentuk-bentuk anatomic seimbang antara satu dengan yang lainnya serta diwujudkan dalam alam nyata dan rahasيا. Bahkan, seni dapat mewujudkan jalinan baik antara akidah, syariah dan akhlak (Sidi Gazalba, 1977). Menurut Sayyid Qutb (1979), kegiatan kesenian seluruhnya adalah pengolahan secara manusawi mengenai konsep dan tindak balas manusia itu sendiri serta mengenai konsep wujud dan hidup yang menjelma dalam jiwa manusia. Selain itu, menurut Ismail R. Faruqi (1980), kesenian dalam Islam adalah tidak seperti kebudayaan lain yang mengaitkan keindahan sebagai kemewahan, nilai instrinstik yang difahami untuk kepentingan sendiri, kesenian Islam menghubungkan keindahan sebagai nilai yang tergantung keseluruhan kesahihan Islam itu sendiri. Ismail Hamid (1985) pula menjelaskan seni dalam Islam menanamkan rasa khusyuk kepada Allah SWT di samping memberi ketenangan dalam jiwa manusia sebagai makhluk Allah yang diciptakan dengan fitrah yang gemar kepada kesenian, maka seni bukan semata untuk seni tetapi sebagai seni kerana Allah untuk manusia.

Seni merupakan suatu fitrah bagi manusia sebagai potensi yang dianugerahkan Allah kepada manusia itu sendiri untuk dimanfaatkan mengikut batas-batas ketetapan syarak. Sebagaimana wahyu teragung yang masih ada sehingga kini iaitu al-quran yang memiliki perbagai seni yang sangat tinggi dalam penyampaian sesuatu kisah, mahu pun hukum yang terdengar indah seakan manifestasi bunyi yang dikenali sebagai ‘sajak’, ‘pantun’ dan ‘cerpen puitis’.

### **Pendidikan Solat Peringkat Sekolah Rendah**

Pendidikan solat di peringkat sekolah rendah merupakan salah satu daripada subjek fardhu ain. Murid-murid pada peringkat ini sudah mula diasuh untuk melakukan kewajipan sebagai seorang mukallaf. Solat merupakan ibadah utama dalam Islam kerana solat sebagai suatu perintah daripada Allah kepada setiap manusia bagi mereka mendekatkan diri mereka kepada penciptanya. Apabila solat dilakukan dengan penuh erti ia akan dapat memberikan kekuatan dalam kepada seseorang mukmin untuk menempuh cabaran hidup di dunia ini. Hal ini bererti solat merupakan sumber kekuatan yang harus dimiliki. Terdapat banyak fadhilat yang diperolehi melalui amalan bersolat seperti menjadi benteng daripada melakukan perkara maksiat, mendidik seseorang berdisiplin dengan waktu serta solat juga sebagai asbab terampunnya dosa seseorang (al-Qaradhawi, 1986). Kesemua hal ini wajib dikuasai sebaik mungkin dengan pemahaman yang menyeluruh oleh semua mukallaf semenjak kecil sebelum menjangkau usia dewasa (baligh) untuk diaplikasikan secara bersepadu dengan beberapa pendekatan seni seperti nasyid, pantun, syair dan sebagainya.

Sistem pendidikan dalam persekolahan di Malaysia terbahagi kepada dua peringkat iaitu peringkat rendah dan peringkat menengah. Peringkat rendah dibahagi kepada dua tahap iaitu tahap satu bagi darjah satu hingga darjah tiga dan tahap dua bagi darjah empat sehingga darjah enam. Di peringkat kedua adalah peringkat menengah iaitu bermula daripada tingkatan satu sehingga tingkatan lima bagi menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Melalui pendekatan yang menarik dan amat bersesuaian adalah penting agar pendedahan seawal ini adalah melalui penyampaian yang ringkas dan padat dengan isi.

### **Analisis Pendekatan Kesenian Dalam Pendidikan Solat Peringkat Sekolah Rendah**

Pendekatan seni dengan menggunakan nasyid dan pantun dilihat memberi kesan besar dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Sebagai contoh sejak tahun (1990an) lagi nasyid telah dipertandingkan di peringkat sekolah, negeri dan kebangsaan kerana irama tersebut adalah sebahagian daripada alam kehidupan kanak-kanak yang tidak dapat dipisahkan. Justeru, dunia kanak-kanak akan kosong tanpa irama muzik (Zulkifly Yaakob, 2007) Murid-murid juga diberikan peluang untuk menunjukkan bakat dan minat dalam meneroka melalui dunia muzik pada tahap perkembangan masing-masing (KSPK, 2017). Dari sini, pendekatan kesenian dalam pendidikan solat peringkat sekolah rendah melalui nasyid dan pantun dilihat boleh juga diaplikasi agar murid-murid lebih mudah mendekati dan memahami solat.

#### **Kesenian Nasyid**

Nasyid dilihat mampu dalam menyampaikan pengetahuan berkaitan pendidikan solat. Hal ini kerana nasyid merupakan nyanyian yang mengandungi kata-kata berunsur Islam (Kamus Dewan, Edisi 3, 1994) yang dikaitkan dengan lagu dan muzik yang amat sinonim dengan fitrah manusia (Syabir, 2000). Dengan memadukan bunyi atau nada suara atau bunyi alat bagi membentuk pelbagai pernyataan yang memuaskan emosi, estetika dan struktur bagi sistem kepercayaan yang membentuk asas kepercayaan boleh menghasilkan keberkesanan dalam pendidikan (Lois Lamya', 1993).

Selain itu, nasyid juga merupakan satu saluran seni yang boleh memberi pengaruh terhadap masyarakat Melayu di Malaysia melalui bait-bait lagu (Jaffary Awang, 2006). Lirik atau seni kata yang menepati tuntutan Islam adalah boleh memberi nasihat, bimbingan dan peringatan terhadap peranan serta kedudukan manusia di sisi Allah SWT (Ahmad Sharifuddin Mustapha & Mohd Zain Mubarak, 2006).

Dengan ini nasyid dilihat sebagai alat dakwah bil lisan dan dalam masa yang sama adalah dakwah bil hal. Dakwah bil hal dapat difahami sebagai dakwah melalui perbuatan nyata yang meliputi teladan dan perilaku yang baik (Eri Satria Sanusi & Roslan Mohamed, 2017: 100). Islam membenarkan manusia menikmati keselesaan dengan sewajarnya termasuk dalam usaha membentuk kefahaman dakwahnya. Malahan keinginan semulajadi manusia yang inginkan kecantikan dan keindahan serta perkara yang baik ini melambangkan ciri ketenangan dan kebahagiaan yang diharuskan dalam Islam. Walau bagaimanapun, keinginan ini tidak melampaui batas dan melanggar batasan syarak (al-Syatibiy, 1997).

#### **Kesenian Pantun**


Melalui rangkap pantun yang tersusun rapi secara ringkas dan mudah juga dapat berperanan dalam mengumpul isi-isi penting berkaitan pendidikan solat sepertimana tujuan penghasilan pantun adalah merupakan sejenis puisi asli yang dimiliki oleh masyarakat Melayu serta paling awal muncul berbanding puisi yang lain (Harun Mat Piah, 1989). Walaupun pantun kelihatan begitu sederhana bentuknya, namun kaitan antara struktur, makna, dan budi serta daya bangsa Melayu adalah begitu hebat (Muhammad Hj Salleh, 2005). Pantun juga merupakan saluran yang tersendiri untuk membuat perhubungan berkaitan sesuatu pernyataan (Wan Akmal Wan Semara, 2005) sebagai satu-satunya genre kesusastraan Melayu yang asli, indah dan tidak

lapuk ditelan zaman dan sentiasa mengikut rentak perubahan dengan mesejnya yang bersifat semasa (Mohd. Rosli Saludin, 2007).

### Rumusan Konsep

Perbincangan sebelum ini dapat dirumuskan dalam Rajah 1. Berdasarkan Rajah tersebut mendapati bahawa melalui pendekatan kesenian dalam pendidikan solat bagi murid-murid sekolah rendah amat bertepatan dalam menyampaikan kefahaman dengan naluri minat yang mendalam di kalangan murid-murid tersebut yang dialunkan melalui penggunaan lagu-lagu rakyat dan ayat-ayat yang mudah difahami.

Unsur irama yang diselit dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih berkesan dan dapat menarik minat murid-murid untuk lebih seronok belajar dalam memahami sesuatu isi yang dilafazkan. Elemen irama juga dapat merangsang minda murid-murid untuk memberikan tumpuan sebaiknya dan seterusnya dapat mencapai matlamat pengajaran tersebut.



Rajah 1: Aliran Konsep Pendekatan Kesenian Dalam Pendidikan Solat Sekolah Rendah

### Penghargaan

Pengkaji ingin berterima kasih kepada Pihak Universiti Sains Malaysia (USM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana memberikan kepercayaan untuk memikul tanggungjawab melaksanakan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) bertemakan Model Eko-Politonomik Islam dengan rujukan KPT FRGS/1/2018/SSI12/USM/02/1 dan no rujukan USM 203/CISDEV/671711. Pengkaji juga ingin berterima kasih kepada pihak USM dan KPT atas sokongan dan dorongan bagi penghasilan artikel ini.

## Rujukan

- Abdul Ghani Samsudin (2001). *Seni Dalam Islam*. Cet 2. Petaling Jaya: Intel Media, hlm 3.
- Chun Yan Piaw (2014). *Kaedah Penyelidikan*, Selangor: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Fadhillah Mohd Jamil (2005). *Islam Zaman Moden*. Selngor: Thiker's Library Sdn. Bhd.
- Ismail Hamid (1985), *Peradaban Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti, hlm. 98
- Ismail R. Faruqi (1980), *Islam And Culture*. Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia, hlm. 38
- Kamus Dewan Edisi Keempat (1989), kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1169
- Marican, S. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Prentice Hall/Pearson Malaysia.
- Muhammad Uthman El-Muhammady (1977), *Peranan Islam Dalam Pembentukan Kebudayaan Melayu Islam dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, hlm. 77
- Muslim ibnu al-hajjaj ibnu muslim al-jamiah al-sahih*, kaherah, 1960, j.2, hlm 49
- Nik Hassan Suhaimi (2000). *Kesenian Melayu: Roh Islam Dalam Penciptaan*. Mohd Taib Osman et. al, (ed), Tamadun Islam di Malaysia. hlm 289.
- Othman Talib (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*, Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Qaradawi, *nilai masa dalam kehidupan muslim*, (terj.), Kuala Lumpur, (1986), hlm. 12
- Sayyid Qutb (1979), *Petunjuk Sepanjang Jalan*. Kuala Lumpur: El-Ikhwan Enterprise, Hlm. 129
- Shahir Akram Hassan (2010), *Kaedah Pengumpulan Hadith: Satu Kaedah Pengumpulan Data, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)*, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia.
- Sidi Gazalba (1977), *Pandangan Islam Tentang Kesenian*. Kuala Lumpur: Polygraphyc Snd. Bhd, hlm. 12
- Zuhairi Misrawi (2008), *Al-Quran Kitab Toleransi Inklusivisme, Pluralisme dan Multikulturalisme*, Jakarta: Fitrah.